PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	28 JANUARY 2017

Pendedahan BNM rugi AS$10 bilion serius: Najib

BH- 28/1/2017

Kabinet putuskan tindakan sesuai selepas dapat maklumat lengkap kerugian tukaran asing pada 1990-an

Oleh Rohaniza Idris, Mohd Nasaruddin Parzi dan Luqman Arif Abdul Karim
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak berkata, Kabinet memandang serius pendedahan kerugian AS$$10 bilion dalam kerugian tukaran asing pada 1990-an seperti didakwa bekas Penolong Gabenor Bank Negara, Datuk Abdul Murad Khalid.

Perdana Menteri berkata, sehubungan itu kerajaan akan mendapatkan maklumat lanjut daripada Bank Negara Malaysia (BNM) berhubung pendedahan itu.

Katanya, selepas mendapat maklumat BNM, Kabinet akan memutuskan tindakan sesuai yang boleh diambil.

"Saya akan mendapatkan pandangan dan ulasan Bank Negara terlebih dahulu, selepas itu jemaah menteri akan putuskan," katanya kepada media selepas mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di Menara Dato Onn di sini, semalam.

Kejadian dari 1991 hingga 1993

Beliau mengulas laporan akhbar yang menyiarkan pendedahan Abdul Murad yang mendakwa Bank Negara pernah rugi AS$10 bilion (bernilai RM44 bilion berdasarkan kadar tukaran sekarang) melalui kegiatan perdagangan mata wang dipercayai berlaku sepanjang 1991 hingga 1993.

Sementara itu, BNM dalam maklum balas kepada laporan media berkaitan isu berkenaan menyatakan bahawa institusi itu sudah mencapai kemajuan yang lebih kukuh, telus dan lebih bertanggungjawab sejak kerugian tukaran asing berlaku hampir 25 tahun lalu.

"Dalam persekitaran global yang mencabar dan tidak pasti pada masa ini, kita perlu memberikan tumpuan kepada usaha memastikan sistem kewangan dan ekonomi negara kekal berdaya tahan dan terus stabil," katanya dalam kenyataan semalam.

Menurut laporan media, Abdul Murad dilaporkan sebagai berkata, Laporan Tahunan BNM pada 1994 hanya mencatatkan kerugian RM9 bilion akibat kegiatan itu, sedangkan angka sebenar adalah jauh lebih besar.

Beliau berkata, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) pernah meminta BNM memberi penjelasan mengenai kerugian yang dikatakan terbesar dicatatkan dalam sejarah perbankan antarabangsa itu.

Berikutan itu, Abdul Murad menggesa pihak berkuasa membuka semula siasatan kes terbabit dan bersedia memberi kerjasama jika diperlukan.